



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72
No. 5

28hb Februari 2019

*TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 5 Disember 2018 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 12 Februari 2019 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment, passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 5 December 2018 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 12 February 2019 is published for general information:

| No. | Tajuk ringkas/Short title |
|--------------|---------------------------------------|
| Enakmen 13 | Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018 |
| Enactment 13 | Syariah Court (Perak) Enactment 2018 |



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 13

**ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH
(PERAK) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja 12 Februari 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 28 Februari 2019

ENAKMEN MAHKAMAH SYARIAH (PERAK) 2018

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif
4. Mohor Mahkamah Syariah

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA KEHAKIMAN SYARIAH

5. Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa
6. Fungsi Jawatankuasa
7. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
8. Kehilangan kelayakan daripada mesyuarat pemilihan

BAHAGIAN III

PELANTIKAN

9. Pelantikan Ketua Hakim Syarie
10. Pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah
11. Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
12. Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
13. Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah
14. Pembatalan pelantikan Hakim
15. Pendaftar-Pendaftar

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

Seksyen

16. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah

BAHAGIAN V

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

17. Bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi Syariah
18. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah
19. Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Tinggi Syariah
20. Perakuan pewarisan
21. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah

BAHAGIAN VI

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH

22. Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah
23. Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Rayuan Syariah
24. Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah
25. Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah
26. Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah ikut majoriti
27. Persidangan Mahkamah Rayuan Syariah
28. Penerusan prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada

BAHAGIAN VII

MAHKAMAH UTAMA SYARIAH

29. Bidang kuasa Mahkamah Utama Syariah
30. Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Utama Syariah
31. Keanggotaan Mahkamah Utama Syariah
32. Keputusan Mahkamah Utama Syariah ikut majoriti
33. Persidangan Mahkamah Utama Syariah
34. Penerusan prosiding di Mahkamah Utama Syariah walaupun Hakim tiada

BAHAGIAN VIII
AM

Seksyen

35. Penjalanan kuasa oleh Hakim
36. Mahkamah terbuka
37. Bahasa
38. Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam
39. Tindakan bersaling
40. Penghinaan
41. Perlindungan Hakim dan pegawai kehakiman yang lain
42. Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah
43. Kemudahan dan elaun
44. Kod etika
45. Arahan Ketua Hakim Syarie
46. Hukum Syarak
47. Pemansuhan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
48. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 13

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan Perak

12 Februari 2019

Suatu Enakmen bagi mengadakan peruntukan mengenai pentadbiran kehakiman syariah dan perkara-perkara berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Enakmen ini.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen Pentadbiran” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“Hakim” ertinya Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah subseksyen 9(1), 10(1), 11(1), 12(1) atau 13(1);

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Kehakiman Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

“Ketua Hakim Syarie” ertinya Ketua Hakim Syarie yang dilantik di bawah subseksyen 9(1);

“Ketua Pendakwa Syarie” ertinya pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 67(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;

“mahkamah sivil” ertinya mana-mana mahkamah yang ditubuhkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan;

“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Utama Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 44(1), (2), (3) atau (3A) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;

“Mufti” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Negeri Perak Darul Ridzuan di bawah subseksyen 33(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004; dan

“Peguam Syarie” ertinya seseorang yang diterima sebagai Peguam Syarie di bawah seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini dan tidak ditafsirkan dalam Enakmen ini tetapi ditafsirkan dalam Bahagian I Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] hendaklah masing-masing mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Bahagian itu setakat yang erti itu tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau pentafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Enakmen ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual.

Kecualian prerogatif

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh mengurangkan atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa prerogatif Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan.

Mohor Mahkamah Syariah

4. Setiap Mahkamah yang ditubuhkan di bawah subseksyen 44(1), (2), (3) dan (3A) Enakmen Pentadbiran hendaklah mempunyai satu mohor atau meterai daripada jenis dan corak yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA KEHAKIMAN SYARIAH

Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa

5. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Majlis, menu buhkan suatu Jawatankuasa Kehakiman Syariah yang terdiri daripada anggota berikut:

- (a) Ketua Hakim Syarie sebagai Pengerusi;
- (b) Mufti;
- (c) dua orang Hakim Mahkamah Utama Syariah;
- (d) Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah; dan
- (e) dua anggota yang arif dalam Hukum Syarak atau undang-undang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan (1)(c) dan (e) hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua tahun dan boleh dilantik semula.

(3) Kuorum Jawatankuasa adalah lima orang termasuk Pengerusi.

(4) Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa.

Fungsi Jawatankuasa

6. (1) Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) mengesyorkan orang berkelayakan yang sesuai yang wajar dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah untuk pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan;
- (b) mengesyorkan pembatalan pelantikan Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah untuk pertimbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sebarang pelanggaran kod etika atau apa-apa sebab lain yang munasabah berkaitan Hukum Syarak; dan

- (c) menetapkan dan melaksanakan mekanisme dan syarat-syarat bagi pemilihan, pelantikan dan pembatalan pelantikan Ketua Hakim Syarie dan Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2) Jawatankuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berhubung dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Enakmen ini.
- (3) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

- 7.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa.
- (2) Mana-mana anggota Jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan mengemukakan notis bertulis yang dialamatkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Kehilangan kelayakan daripada mesyuarat pemilihan

- 8.** Seseorang anggota Jawatankuasa hilang kelayakan daripada menghadiri atau mengambil bahagian dalam sesuatu mesyuarat pemilihan jika dia sedang dipertimbangkan bagi pemilihan itu.

BAHAGIAN III

PELANTIKAN

Pelantikan Ketua Hakim Syarie

- 9.** (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Jawatankuasa, melantik seorang Ketua Hakim Syarie.
- (2) Seseorang layak dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie jika dia—
- (a) seorang warganegara; dan
- (b) pernah memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(3) Orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini, memegang jawatan Ketua Hakim Syarie di bawah Enakmen Pentadbiran dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, pada permulaan kuat kuasa seksyen ini, terus memegang jawatan Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah

10. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Jawatankuasa, melantik lima orang Hakim Mahkamah Utama Syariah.

(2) Seseorang layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Utama Syariah jika dia seorang warganegara dan—

- (a) pernah memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; atau
- (b) bagi tempoh dua puluh tahun sebelum pelantikannya—
 - (i) telah berkhidmat dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman; atau
 - (ii) telah bertugas dalam bidang syariah atau undang-undang serta berpengetahuan dalam Hukum Syarak.

(3) Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(4) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

11. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Jawatankuasa, melantik tujuh orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(2) Seseorang layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah jika dia—

- (a) seorang warganegara; dan
- (b) pernah memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Ketua Pendakwa Syarie.

(3) Orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini, memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di bawah Enakmen Pentadbiran dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, pada permulaan kuat kuasa seksyen ini, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik seorang daripada kalangan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah.

(5) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

12. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Jawatankuasa, melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Seseorang layak dilantik sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah jika dia seorang warganegara dan bagi tempoh sepuluh tahun sebelum pelantikannya—

- (a) telah berkhidmat sebagai seorang pegawai syariah Persekutuan atau Negeri;
- (b) telah menjalankan amalan sebagai seorang Peguam Syarie; atau
- (c) telah berkhidmat sebagai seorang pegawai syariah Persekutuan atau Negeri pada suatu masa, dan pada suatu masa lain, telah menjalankan amalan sebagai seorang Peguam Syarie.

(3) Orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini, memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Enakmen Pentadbiran dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, pada permulaan kuat kuasa seksyen ini, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah

13. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Ketua Hakim Syarie, melantik Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah daripada kalangan pegawai syariah Persekutuan atau Negeri.

(2) Orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini, memegang jawatan sebagai seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah di bawah Enakmen Pentadbiran dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, pada permulaan kuat kuasa seksyen ini, terus memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(3) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Pembatalan pelantikan Hakim

14. (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Jawatankuasa, membatalkan pelantikan mana-mana Hakim yang dilantik di bawah seksyen 9, 10, 11 dan 12 Enakmen ini.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Ketua Hakim Syarie, membatalkan pelantikan mana-mana Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

Pendaftar-Pendaftar

15. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Ketua Hakim Syarie, melantik seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah, Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pendaftar dan Timbalan-Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah atau Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah daripada kalangan pegawai syariah Persekutuan atau Negeri.

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah

16. (1) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 6 tahun 2004*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap perintah-perintah agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis lain itu tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang tetapi tidak termasuk tuntutan hadanah, hibah, wasiat, wakaf, nazar, amanah khairat dan agama dan amanah bukan khairat, penjagaan harta kanak-kanak atau harta sepencarian.

(3) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memperluas bidang kuasa mal Mahkamah Rendah Syariah.

BAHAGIAN V

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

Bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi Syariah

17. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 6 tahun 2004*] atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap perintah-perintah agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu;
- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan—
 - (i) pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, pembatalan perkahwinan (*fasakh*), nusyuz, pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri;
 - (ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (b)(i);
 - (iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahtarafan atau penjagaan atau jagaan (*hadanah*) kanak-kanak;

- (iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;
 - (v) wasiat atau hibah semasa *marad-al-maut*;
 - (vi) hibah atau pemberian atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilaiang wang oleh seorang orang Islam;
 - (vii) wakaf atau nazar;
 - (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;
 - (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;
 - (x) amanah khairat dan agama dan amanah bukan khairat;
 - (xi) Zakat, Fitrah dan sumber am Baitulmal;
 - (xii) masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam;
 - (xiii) penjaga harta bagi kanak-kanak;
 - (xiv) perisy蒂haran bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;
 - (xv) perisy蒂haran bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan
 - (xvi) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan atau mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (c) demi kepentingan keadilan, atas permohonan mana-mana orang, mempunyai bidang kuasa untuk memberi kebenaran dan mendengar permohonan bagi semakan kehakiman ke atas keputusan yang dibuat oleh pihak-pihak berkuasa awam yang menjalankan fungsi di bawah undang-undang yang Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa.

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi Syariah

18. (1) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah—

- (a) dalam bidang kuasa jenayahnya, oleh pendakwa atau oleh orang yang telah disabitkan, dan rayuan itu boleh sama ada terhadap pembebasan, sabitan atau hukuman atau mana-mana daripadanya;
- (b) dalam bidang kuasa malnya—
 - (i) oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu, jika amaun yang dituntut itu tidak kurang daripada tiga ribu ringgit;
 - (ii) dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu; dan
 - (iii) dalam semua kes yang berhubungan dengan nafkah orang-orang tanggungan, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu,
- (c) dalam apa-apa kes lain, jika Mahkamah Tinggi Syariah memberikan kebenaran untuk merayu.

(2) Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh—

- (a) dalam perkara jenayah, menolak rayuan, mensabitkan dan menghukum pihak yang merayu, memerintahkan Mahkamah perbicaraan memanggil pembelaan atau membuat siasatan lanjut, menambah atau meminda bentuk hukuman, memerintahkan perbicaraan semula, atau meminda atau mengakaskan mana-mana perintah Mahkamah perbicaraan; dan
- (b) dalam perkara mal, mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan, menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah perbicaraan, membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah perbicaraan, atau memerintahkan perbicaraan semula.

Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Tinggi Syariah

19. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah perenggan 18(1)(c) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Tinggi Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah habis tempoh.

Perakuan pewarisan

20. (1) Jika dalam penjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran atau pembahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam, mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mempunyai kewajipan untuk menentukan—

- (a) orang yang berhak mendapat bahagian dalam harta pusaka itu; atau
- (b) bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak.

(2) Mahkamah Syariah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi benefisiari atau wakilnya, dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati oleh Mahkamah Syariah itu dan pendapatnya tentang orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan tentang bahagian-bahagian yang padanya masing-masing orang itu berhak.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Tinggi Syariah

21. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika didapati perlu demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

BAHAGIAN VI
MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**Bidang kuasa Mahkamah Rayuan Syariah**

22. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa asal atau bidang kuasa rayuannya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Rendah Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak di hadapan seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam penjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Tinggi Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah itu hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenar dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

(4) Dalam apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Rayuan Syariah apa-apa arahan yang bersampingan dengannya yang tidak melibatkan keputusan prosiding itu, apa-apa perintah interim bagi mengelakkan kemudaratuan pada tuntutan pihak sementara menunggu pendengaran prosiding itu, apa-apa perintah bagi jaminan kos dan bagi pembuangan sesuatu prosiding atas keingkaran memberikan jaminan yang diperintahkan sedemikian boleh dibuat pada bila-bila masa oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah.

(5) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (4) hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah.

(6) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) boleh, apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilan dalam tempoh sepuluh hari selepas perintah itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Rayuan Syariah

23. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah subseksyen 22(2) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Rayuan Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah habis tempoh.

Bidang kuasa pengawasan dan penyemakan Mahkamah Rayuan Syariah

24. (1) Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas usulnya sendiri atau atas kehendak mana-

mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam Mahkamah Tinggi Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.

(2) Apabila Mahkamah Rayuan Syariah memanggil rekod tentang apa-apa perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Tinggi Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Rayuan Syariah.

Keanggotaan Mahkamah Rayuan Syariah

25. (1) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang lain yang ditentukan oleh Pengerusi Mahkamah Rayuan daripada kalangan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang dilantik di bawah seksyen 11.

(2) Pengerusi Mahkamah Rayuan hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Rayuan Syariah, melainkan—

- (a) jika rayuan dalam Mahkamah Rayuan Syariah itu ialah terhadap keputusan Pengerusi Mahkamah Rayuan yang telah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; atau
- (b) jika Pengerusi Mahkamah Rayuan tidak dapat mempengerusikan kerana apa-apa sebab lain,

Ketua Hakim Syarie hendaklah melantik Hakim yang paling kanan antara Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi pengerusi.

(3) Walau apa pun seksyen 11, Ketua Hakim Syarie boleh mengarahkan mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Rayuan Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah ikut majoriti

26. Rayuan hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim yang menganggotai Mahkamah Rayuan Syariah itu.

Persidangan Mahkamah Rayuan Syariah

27. (1) Mahkamah hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah boleh melantik dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah boleh, jika didapatinya suai manfaat, mengarahkan supaya apa-apa rayuan didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di Negeri Perak Darul Ridzuan.

(2) Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Mahkamah yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

Penerusan prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah walaupun Hakim tiada

28. (1) Jika, dalam perjalanan apa-apa prosiding dalam sesuatu rayuan atau pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman, mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu, maka, jika kedua-dua pihak bersetuju, pendengaran itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman yang ditangguhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh dua orang Hakim Mahkamah yang tinggal, dan bagi maksud-maksud rayuan itu, Mahkamah hendaklah disifatkan telah dianggotai dengan sempurna.

(2) Dalam mana-mana kes seperti yang disebut dalam subseksyen (1), jika tiada keputusan sebulat suara oleh kedua-dua Hakim yang ada, rayuan itu hendaklah didengar semula.

(3) Jika di bawah subseksyen (1) kedua-dua pihak tidak memberikan persetujuan mereka, atau lebih daripada seorang Hakim tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsi mereka sebagai Hakim Mahkamah itu, rayuan itu hendaklah didengar semula.

BAHAGIAN VII

MAHKAMAH UTAMA SYARIAH

Bidang kuasa Mahkamah Utama Syariah

29. (1) Mahkamah Utama Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dalam bidang kuasa rayuannya berkenaan apa-apa perkara yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa asalnya.

(2) Apabila suatu rayuan daripada sesuatu keputusan Mahkamah Tinggi Syariah telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Utama Syariah boleh atas permohonan mana-mana pihak di hadapan seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah memberikan kebenaran untuk diputuskan olehnya sendiri apa-apa persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul dalam penjalanan rayuan itu dan yang keputusannya oleh Mahkamah Rayuan Syariah telah menyentuh keputusan rayuan itu.

(3) Apabila kebenaran kepada permohonan di bawah subseksyen (2) telah diberikan oleh Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah itu hendaklah mendengar dan memutuskan persoalan yang dibenarkan dirujukkan bagi keputusannya dan membuat apa-apa perintah yang boleh dibuat oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan yang difikirkannya adil bagi penyelesaian rayuan itu.

(4) Dalam apa-apa prosiding yang belum selesai di hadapan Mahkamah Utama Syariah, apa-apa arahan yang bersampingan dengannya yang tidak melibatkan keputusan prosiding itu, apa-apa perintah interim bagi mengelakkan kemudaratan pada tuntutan pihak sementara menunggu pendengaran prosiding itu, apa-apa perintah bagi jaminan kos dan bagi pembuangan sesuatu prosiding atas keingkaran memberikan jaminan yang diperintahkan sedemikian, boleh pada bila-bila masa dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah.

(5) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (4) hendaklah disifatkan sebagai suatu prosiding di Mahkamah Utama Syariah.

(6) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) boleh, apabila permohonan dibuat oleh pihak yang terkilan dalam tempoh sepuluh hari selepas perintah itu disampaikan, disahkan, diubah atau dilepaskan oleh Mahkamah itu.

Permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Utama Syariah

30. (1) Suatu rayuan atau permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di bawah subseksyen 29(2) hendaklah dibuat kepada Mahkamah Utama Syariah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan, tetapi dalam apa-apa keadaan hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat atau, dalam keadaan apabila pemohon tidak mengetahuinya pada tarikh itu dan tidak dengan menjalankan usaha yang munasabah dapat mengetahuinya, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penghakiman, perintah atau keputusan itu sampai kepada pengetahuannya.

(2) Mahkamah Utama Syariah, apabila mendengar mana-mana permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu, boleh atas alasan khas, melanjutkan masa untuk merayu, walaupun masanya telah habis tempoh.

Keanggotaan Mahkamah Utama Syariah

31. (1) Sesuatu rayuan dalam Mahkamah Utama Syariah hendaklah didengar dan diputuskan oleh seorang pengerusi dan dua orang Hakim Mahkamah Utama Syariah atau bilangan ganjil yang lebih besar yang ditentukan oleh Ketua Hakim Syarie daripada kalangan Hakim Mahkamah Utama Syariah yang dilantik di bawah seksyen 10.

(2) Ketua Hakim Syarie hendaklah menjadi pengerusi tiap-tiap prosiding Mahkamah Utama Syariah, melainkan—

(a) jika rayuan dalam Mahkamah Utama Syariah itu ialah terhadap keputusan Ketua Hakim Syarie yang telah bersidang sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; atau

(b) jika Ketua Hakim Syarie tidak dapat mempengerusikan kerana apa-apa sebab lain,

Hakim Mahkamah Utama Syariah yang paling kanan hendaklah menjadi penggerusi.

(3) Walau apa pun seksyen 10, Ketua Hakim Syarie boleh melantik mana-mana Hakim Mahkamah Rayuan Syariah untuk menjadi seorang anggota Mahkamah Utama Syariah bagi mana-mana prosiding yang tertentu jika Ketua Hakim Syarie berpendapat wajar berbuat demikian.

Keputusan Mahkamah Utama Syariah ikut majoriti

32. Prosiding hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim yang menganggotai Mahkamah Utama Syariah itu.

Persidangan Mahkamah Utama Syariah

33. (1) Mahkamah hendaklah bersidang pada apa-apa tarikh dan di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Pengerusi boleh, jika didapatinya suai manfaat, mengarahkan supaya apa-apa rayuan didengar pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat di Negeri Perak Darul Ridzuan.

(2) Pengerusi boleh membatalkan atau menangguhkan mana-mana persidangan Mahkamah yang telah ditetapkan di bawah subseksyen (1).

Penerusan prosiding di Mahkamah Utama Syariah walaupun Hakim tiada

34. (1) Jika, dalam penjalanan apa-apa prosiding atau pada bila-bila masa sebelum diumumkan penghakiman, mana-mana Hakim Mahkamah Utama Syariah yang mendengar prosiding itu tidak dapat, kerana sakit atau apa-apa sebab lain, untuk hadir dan menyelesaikan prosiding itu atau selainnya menjalankan fungsinya sebagai Hakim Mahkamah itu, maka, jika kedua-dua pihak

bersetuju, pendengaran itu hendaklah diteruskan dan penghakiman atau penghakiman yang ditangguhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberikan oleh mana-mana Hakim Mahkamah yang tinggal, yang tidak kurang daripada dua orang, dan bagi maksud-maksud prosiding itu, Mahkamah hendaklah disifatkan telah dianggotai dengan sempurna.

(2) Dalam mana-mana hal itu sebagaimana yang disebutkan dalam subseksyen (1), prosiding itu hendaklah diputuskan mengikut pendapat majoriti Hakim Mahkamah yang tinggal itu, dan, jika tidak ada majoriti, prosiding itu hendaklah didengar semula.

BAHAGIAN VIII

AM

Penjalanan kuasa oleh Hakim

35. Walau apa pun yang terkandung dalam Enakmen ini—

- (a) Ketua Hakim Syarie atau seseorang Hakim Mahkamah Utama Syariah boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; dan
- (b) Penggerusi Mahkamah Rayuan Syariah atau seseorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah boleh menjalankan semua atau mana-mana kuasa seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

Mahkamah terbuka

36. (1) Semua perbicaraan dalam Mahkamah Syariah hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain dan subseksyen (2), terbuka kepada orang ramai.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian prosiding diadakan dalam mahkamah tertutup jika Mahkamah itu berpuas hati bahawa perintah sedemikian adalah demi kepentingan keadilan atau kesopanan.

Bahasa

37. Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa bagi semua prosiding dalam Mahkamah Syariah dan semua dokumen serta nota prosiding boleh menggunakan tulisan rumi atau jawi.

Bidang kuasa tidak meliputi orang bukan Islam

38. Tiada keputusan Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah boleh melibatkan hak atau harta seseorang bukan Islam.

Tindakan bersaling

39. (1) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana Negeri atau Wilayah-Wilayah Persekutuan di Malaysia mengeluarkan waran atau saman, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri atau Wilayah Persekutuan itu, untuk dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada mana-mana orang yang berada atau dipercayai berada dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, mana-mana Hakim boleh mengendorskan waran atau saman itu dengan menandatanganinya dan waran atau saman itu boleh dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada orang itu seolah-olah waran atau saman itu telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan menurut peruntukan Enakmen ini.

(2) Jika Mahkamah Syariah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan mengeluarkan waran yang memberikan kuasa untuk menangkap mana-mana orang, atau saman yang memanggil mana-mana orang supaya hadir di Mahkamah Syariah, dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri lain atau Wilayah-Wilayah Persekutuan di Malaysia dan waran atau saman itu telah dilaksanakan ke atas atau disampaikan kepada orang itu mengikut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri atau Wilayah Persekutuan itu, maka waran atau saman itu hendaklah bagi maksud Enakmen ini disifatkan telah dilaksanakan atau disampaikan dengan sah seolah-olah pelaksanaan atau penyampaian itu telah dilaksanakan atau disempurnakan dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

(3) Jika Mahkamah Syariah dalam mana-mana Negeri atau Wilayah-Wilayah Persekutuan di dalam Malaysia membuat suatu perintah atau penghakiman di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dalam Negeri atau Wilayah Persekutuan itu terhadap seseorang dan orang itu berada atau dipercayai berada dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, seseorang Hakim, jika dia berpuas hati bahawa perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sempurna oleh suatu Mahkamah Syariah yang berwibawa dalam mana-mana Negeri atau Wilayah-Wilayah Persekutuan di Malaysia, boleh mengendorskan perintah atau penghakiman itu dan perintah atau penghakiman itu bolehlah kemudiannya dilaksanakan atau disampaikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah perintah atau penghakiman itu telah dikeluarkan dengan sah oleh Mahkamah Syariah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan menurut peruntukan Enakmen ini.

Penghinaan

40. Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai kuasa untuk menghukum apa-apa penghinaan terhadapnya.

Perlindungan Hakim dan pegawai kehakiman yang lain

41. (1) Tiada seorang pun Hakim atau seorang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan supaya dilakukan olehnya dalam menjalankan tugas kehakimannya, sama ada atau tidak dalam had bidang kuasanya, dan tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa pada masa itu dia dengan suci hati mempercayai yang dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan atau memerintahkan perbuatan yang diadukan itu.

(2) Tiada seorang pun pegawai mana-mana mahkamah atau seorang lain yang terikat untuk melaksanakan waran atau perintah yang sah dibuat oleh mana-mana Hakim atau orang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil kerana pelaksanaan apa-apa waran atau perintah yang dia akan terikat untuk melaksanakannya jika dalam bidang kuasa orang yang mengeluarkan waran atau perintah itu.

(3) Tiada seorang pun bailif atau pegawai lain Mahkamah yang dipertanggungkan dengan tugas melaksanakan apa-apa penghakiman atau perintah, atau menahan apa-apa harta sebelum penghakiman, boleh dibawa guaman terhadapnya di dalam mana-mana Mahkamah Syariah atau mahkamah sivil berkenaan dengan apa-apa harta yang telah disita olehnya, atau berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada apa-apa harta dalam melaksanakan atau mencuba untuk melaksanakan penyitaan itu, melainkan jika didapati bahawa dia dengan disedarinya telah bertindak melebihi kuasa yang diberikan kepadanya oleh waran atau perintah yang berkenaan itu, dan dia tidaklah boleh disifatkan telah bertindak dengan disedarinya melebihi kuasanya semata-mata oleh sebab dia mengetahui tentang kewujudan sesuatu pertikaian tentang pemunyaan harta yang disita sedemikian.

Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah

42. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah bagi membuat kaedah-kaedah tentang tatacara Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah dan perkara-perkara lain yang perlu bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah terdiri daripada—

- (a) Ketua Hakim Syarie sebagai pengerusi;
- (b) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya; dan
- (c) orang-orang berikut yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie:
 - (i) seorang Hakim Mahkamah Utama Syariah;
 - (ii) seorang Hakim Mahkamah Rayuan Syariah;
 - (iii) seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah;
 - (iv) seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah;
 - (v) seorang Peguam Syarie;

- (vi) seorang pegawai undang-undang yang berkhidmat dengan Jabatan Bantuan Guaman yang ditubuhkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*]; dan
 - (vii) seorang yang difikirkan layak dan sesuai oleh Ketua Hakim Syarie.
- (3) Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah dan hendaklah bertanggungjawab bagi melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa itu.
- (4) Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.
- (5) Semua kaedah-kaedah yang dibuat oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Kemudahan dan elaun

43. Pihak Berkuasa Negeri boleh, setelah berunding dengan Ketua Hakim Syarie, menetapkan apa-apa kemudahan dan elaun yang sesuai kepada Hakim dan pegawai kehakiman setara dengan pangkat dan kedudukannya.

Kod etika

44. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, menurut budi bicara Baginda, selepas berunding dengan Jawatankuasa, menetapkan secara bertulis suatu kod etika yang hendaklah dipatuhi oleh semua Hakim.

Arahan Ketua Hakim Syarie

45. Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa memberi arahan berhubung dengan tatacara Mahkamah Syariah, sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Hukum Syarak

46. Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Enakmen ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak adalah terbatas setakat ketidakselarasan itu.

Pemansuhan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

47. Pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*] yang dinyatakan dalam Jadual Kedua adalah dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

48. (1) Semua peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisy蒂haran, perintah, pemberitahuan, notis, borang dan surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa Enakmen Pentadbiran hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisy蒂haran, perintah, pemberitahuan, notis, borang atau surat kebenaran yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, semua kuasa Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran dan mana-mana sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau selainnya tentang Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Mahkamah-Mahkamah di bawah Enakmen ini.

(3) Mana-mana pegawai dan orang yang dilantik di bawah Enakmen Pentadbiran yang memegang jawatan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terus memegang jawatan di bawah Enakmen ini sehingga habis tempoh pelantikan mereka atau mereka meletakkan jawatan atau pelantikan mereka dibatalkan mengikut Enakmen ini dan hendaklah mempunyai kuasa, hak, keistimewaan, liabiliti, kewajipan dan obligasi yang sama seolah-olah mereka telah dilantik di bawah Enakmen ini.

(4) Tiap-tiap perbuatan atau perkara yang dilakukan, diambil atau dimulakan oleh pegawai-pegawai dan orang yang disebut dalam subseksyen (3) di bawah Enakmen Pentadbiran sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, disifatkan telah dilakukan, diambil atau dimulakan di bawah Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA**[Subseksyen 2(3)]****BENTUK SKRIP BAHASA ARAB BAGI PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU**

| | | |
|---------------|---|-------------------|
| Baitulmal | - | بَيْتُ الْمَالِ |
| Faraq | - | فَرْقٌ |
| Fasakh | - | فَسْخٌ |
| Hadalah | - | حَدَّالَةٌ |
| Hukum Syarak | - | حُكُومٌ شَرِيعَةٌ |
| Hibah | - | هَبَةٌ |
| Khairat | - | خَيْرَاتٌ |
| Mal | - | الْمَالِ |
| Marad al-maut | - | مَرْضُ الْمَوْتِ |
| Mufti | - | مُفْتِيٌّ |
| Nazar | - | نَذْرٌ |
| Nusyuz | - | نُشُوزٌ |
| Rujuk | - | رَجُوعٌ |
| Syariah | - | شَرِيعَةٌ |
| Wakaf | - | وَقْفٌ |

JADUAL KEDUA

